

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 10/11/2018
Edisi / Muka surat : www.bernama.com
Tajuk : **ANGKASA cadang tubuh koperasi Autisme**

Angkasa cadang tubuh koperasi Autisme

Tarikh kemaskini: 10/11/2018



KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Sebuah koperasi khas bagi golongan autisme dirancang ditubuhkan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bagi memantapkan kedudukan ekonomi golongan tersebut pada masa hadapan.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata usaha itu tidak mustahil memandangkan terdapat lebih 30,000 kanak-kanak autisme di negara ini yang masih belum berdaftar dengan mana-mana persatuan berkaitan.

"Ia mampu menjadi platform terbaik memajukan ekonomi serta sosial golongan istimewa ini yang memerlukan pelbagai intervensi, program dan pengurusan istimewa dalam menjadikan mereka golongan produktif.

"Lebih utama, kita akan dapat menyediakan golongan ini ke arah kehidupan yang lebih berdikari melalui penerapan latihan vokasional yang disediakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Angkasa Peduli Taman Agro Angkasa-Akademi Remaja Islam Austime (ARISMA) dan Rakan Sukarelawan Coop Malaysia di sini hari ini.

Hadir sama Pengerusi Yayasan ARISMA, Omar Ahmad, Pengarah Program ARISMA, Siti Khadijah Md Zamin dan Naib Presiden Angkasa, Datuk Che Mohamad Shukree Che Isa.

Abdul Fattah berkata penubuhan koperasi autisme itu akan memudahkan urusan pemberian sumbangan oleh pelbagai pihak dalam menjayakan sebarang program berkaitan autisme.

"Ia akan lebih berstruktur malah melaluinya, kita akan dapat memastikan sumbangan seperti kewangan atau tenaga sampai ke kawasan pedalaman dan luar bandar dengan lebih sistematik.

"Untuk itu, kita juga cadangkan koperasi ini berpusat di Lembah Klang dengan keanggotan terbuka kepada semua golongan autisme di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata koperasi autisme juga dapat bertindak sebagai platform untuk memasarkan produk yang dihasilkan oleh golongan istimewa ini.

Jelasnya, rata-rata golongan tersebut seperti di ARISMA mampu menghasilkan kraftangan dan kini mula bergiat aktif dalam pertanian.

"Malah mereka juga terlibat dengan aktiviti seperti mengopek dan membungkus ikan bilis serta bakeri dan kita lihat, aktiviti-aktiviti ini berpotensi menjana pendapatan. Dari sini, kita boleh bantu untuk pasarkan hasil tersebut melalui lebih 14,094 koperasi di seluruh Malaysia," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Permata Kurnia, Prof Madya Dr Hasnah Toran berkata penubuhan koperasi autisme itu mampu memberi nafas baharu kepada masa depan golongan istimewa tersebut.

"Kita mahu mereka produktif dan berdikari terutama golongan autisme 'low-functioning' kerana tidak banyak ruang untuk mereka diketengahkan. Saya percaya, ini adalah langkah pertama dalam memastikan masa depan kanak-kanak ini lebih terjamin dan kami terbuka kepada sebarang perbincangan lanjut dan kerjasama berkenaan penubuhan koperasi ini," katanya.

Dr Hasnah berkata ibu bapa serta masyarakat juga perlu lebih terbuka dalam memberi peluang kepada anak-anak autisme menjalani kehidupan normal memandangkan mereka mempunyai bakat atau kemahiran yang tersendiri.

"Tiada istilah kerahan tenaga atau mendera jika mereka disuruh bekerja atau melakukan sesuatu kerana itu adalah untuk kebaikan mereka sendiri dan ibu bapa. Kita sepatutnya buang budaya kesian kepada mereka ini kerana tanpa latihan atau usaha menjadikan mereka berdikari, ibu bapa sendiri yang akan berdepan masalah pada masa depan," katanya.

Terdahulu, Angkasa dan Rakan Sukarelawan Coop Malaysia menyumbangkan lapan set struktur hidroponik dan satu struktur semaian yang boleh menempatkan kira-kira 300 anak pokok sayur-sayuran dan buah-buahan pelbagai jenis untuk dimanfaatkan oleh kanak-kanak ARISMA di Taman Agro Angkasa-ARISMA.

-- BERNAMA